

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERMOHONAN BEKALAN KUASA (PBK) DI SELURUH SISTEM UiTM.

1. GARIS PANDUAN PERMOHONAN BEKALAN KUASA (PBK) :-

- 1.1 Permohonan mesti dibuat oleh staf UiTM sahaja.
- 1.2 Borang PBK boleh diambil terus **di kaunter Pejabat Bahagian Khidmat Elektrik & Telekomunikasi(BKET) UiTM Shah Alam** atau dari laman web **<http://ppf.uitm.edu.my/>**
- 1.3 Semua butiran dalam borang perlu diisi dengan lengkap dan terang seperti berikut :-
 - i. Nama Pemohon(Staf UiTM)
 - ii. Jawatan
 - iii. Bahagian
 - iv. No. Telefon
 - v. Tarikh Mohon
 - vi. Kontraktor yang dilantik dan no. telefon
 - vii. Tajuk Projek
 - viii. Jumlah Bekalan elektrik yang diperlukan
 - ix. Saiz kabel yang digunakan
 - x. Jenis Pendawaian yang akan dibuat(1 fasa/3 fasa, conduit, trunking atau sebagainya).
- 1.4 Borang diisi dan ditandatangani oleh staf UiTM dan bukan kontraktor yang dilantik supaya Pegawai Penguasa(SO) sama-sama bertanggungjawab apa yang dibuat oleh kontraktor yang dilantik.
- 1.5 Semua permohonan mesti ada layout dan skematik diagram di lokasi yang perlu dibuat pendawaian/penambahan/naiktaraf.
- 1.6 **Bagi UiTM Shah Alam, borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah di hantar terus ke kaunter Pejabat Bahagian Khidmat Elektrik & Telekomunikasi(BKET) /Unit Operasi Elektrik Infra BKET manakala UiTM Cawangan, borang permohonan boleh di hantar terus ke Unit Elektrik Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan** untuk disemak/diluluskan dan dipantau oleh **OYB** (Penjaga Jentera Elektrik) di lokasi Zon-Zon berkaitan.
- 1.7 Permohonan yang diluluskan akan dikembalikan kepada Permohon dan permohonan akan menyertakan PBK yang lulus itu bersama permohonan SKMKK/PTW.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA KONTRAKTOR ELEKTRIK(SKMKK/PTW) DI SELURUH SISTEM UiTM.

2. GARIS PANDUAN SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA SKMKK/ PTW :-

- 2.1 Permohonan boleh dibuat oleh semua staf UiTM, Kontraktor atau Orang Perseorangan.
- 2.2 Borang SKMKK/PTW boleh diambil terus **di kaunter Pejabat Bahagian Khidmat Elektrik & Telekomunikasi(BKET) UiTM Shah Alam** atau **dari laman web <http://ppf.uitm.edu.my/>**
- 2.3 Semua butiran dalam borang perlu diisi dengan lengkap dan terang seperti berikut :-
 - i. Tarikh permohonan
 - ii. Tarikh mula kerja sehingga tarikh dijangka siap
 - iii. Tajuk Projek
 - iv. Lokasi Tapak Projek
 - v. Nama dan Alamat Syarikat Elektrik(yang akan membuat kerja)
 - vi. Jenis Kerja yang akan dibuat – Voltan Rendah atau Tinggi
 - vii. Nama Orang Yang Berkompeten(Kontraktor)
 - viii. No. Sijil kekompetenan
 - ix. Terangkan dengan tepat radas di mana kerja akan dibuat.
 - x. Tandatangan Orang Berkompeten(Kontraktor).
- 2.4 Pemohonan juga perlu menyertakan satu salinan sijil kekompetenan dan jika perlu sertakan lukisan layout dan skematik .
- 2.5 Bagi permohonan yang melibatkan penambahan bekalan elektrik SILA SERTAKAN PERMOHONAN BEKALAN KUASA(PBK) yang telah diluluskan .
- 2.6 Borang permohonan yang lengkap akan diproses untuk kelulusan. Salinan asal borang (SKMKK/PTW) akan diserahkan semula kepada pemohon bagi mempamerkan SKMKK/PTW tersebut semasa kerja-kerja elektrik dijalankan di tapak.
- 2.7 Setelah kerja selesai Pemohon perlu memulangkan semula SKMKK/PTW untuk perakuan kerja selesai dan kebenaran bekerja itu dibatalkan oleh Orang Yang Berkebenaran(OYB)-*Penjaga Jentera Elektrik* dan Pegawai yang Mengawal(PYM)-*Jurutera Elektrik BKET*, PPF UiTM Shah Alam.

2.8 **Orang Yang Berkebenaran(Penjaga Jentera Elektrik)** boleh memberhentikan kerja-kerja Elektrik di tapak bina jika:-

- i. Kontraktor tiada/tidak mempamerkan SKMKK/PTW yang disahkan oleh Orang Yang Berkebenaran(OYB) dan Pegawai Yang Mengawal(Jurutera Elektrik BKET).
- ii. Orang Berkompeten seperti nama di Borang SKMKK/PTW tiada di tapak.
- iii. **Tidak mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 :-**

Seksyen 37(13) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan :

(a) Tiada seorangpun boleh memasang apa-apa pendawaian atau persambungan elektrik atau pendawaian atau persambungan elektrik atau pendawaian yang ada pada mana-mana premis tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada suatu pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen.

(b) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, **DENDA tidak melebihi Sepuluh Ribu Ringgit(RM 10,000.00)** atau **PENJARA selama tempoh tidak melebihi dua tahun(24 Bulan)** atau kedua-duanya.

- iv. **Tidak mematuhi Akta Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 :-**

Peraturan 11 (1) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 pula menyatakan:

(a) Tiada pendawaian atau pendawaian semula sesuatu pemasangan atau tambahan pada pemasangan yang sedia ada boleh dijalankan oleh Kontraktor Elektrik atau Unit Pendawaian Persendirian tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

2.9 **Bagi UiTM Shah Alam, borang permohonan yang lengkap diisi** hendaklah di hantar terus ke **kaunter Pejabat Bahagian Khidmat Elektrik & Telekomunikasi(BKET) /Unit Operasi Elektrik Infra BKET** manakala **UiTM Cawangan, borang permohonan** boleh di hantar terus ke **Unit Elektrik Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan** untuk disemak/diluluskan dan dipantau oleh **OYB (Penjaga Jentera Elektrik)** di lokasi Zon-Zon berkaitan.

